


PIDM

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

**PERLINDUNGAN
UNTUK MANFAAT TAKAFUL
ATAU INSURANS ANDA
SEHINGGA RM500,000**



**SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT
TAKAFUL DAN INSURANS**


Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

APAKAH PIDM?

PIDM ialah agensi Kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).

PIDM menyediakan dua sistem untuk melindungi anda sebagai:

- Pendeposit di bawah Sistem Insurans Deposit
- Pemilik sijil takaful dan polisi insurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans



BAGAIMANAKAH PIDM MELINDUNGI ANDA?

PIDM melindungi manfaat takaful atau insurans anda yang layak sehingga **RM500,000** atau lebih, sekiranya sesebuah ahli penginsurans (pengendali takaful atau syarikat insurans) menjadi mufliis.

Bagaimana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berfungsi:



- Perlindungan adalah automatik – tiada permohonan dan pembayaran diperlukan.
- Sekiranya ahli penginsurans menjadi mufliis, PIDM akan memenuhi tuntutan manfaat anda yang layak.
- PIDM akan mengumumkan bagaimana, di mana dan bila pembayaran akan dibuat.





APAKAH YANG DILINDUNGI?

Polisi insurans atau sijil takaful anda mestilah dikeluarkan di Malaysia dan dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM). Sila rujuk di bawah untuk contoh manfaat yang dilindungi.

Contoh Manfaat Takaful atau Insurans yang Dilindungi*		
Manfaat Dilindungi		Had Maksimum
Kematian dan manfaat berkaitan	 Jumlah bayaran yang dilindungi untuk perbelanjaan kematian, pengebumian dan pembakaran mayat	RM500,000
Hilang upaya kekal	 Jumlah bayaran yang dilindungi untuk hilang upaya kekal	RM500,000
Penyakit kritikal	 Jumlah bayaran yang dilindungi untuk penyakit kritikal	RM500,000
Perbelanjaan perubatan	 Jumlah bayaran yang dilindungi untuk rawatan perubatan, seperti kemasukan ke hospital dan kos penjagaan kesihatan	100% perbelanjaan ditanggung
Nilai matang (tidak termasuk bahagian pelaburan bagi pelan berkaitan pelaburan)	 Jumlah bayaran yang dilindungi setelah tamat tempoh polisi	RM500,000
Nilai serahan	 Wang yang akan dibayar untuk penyerahan awal sebelum tamat tempoh polisi	RM500,000
Kehilangan atau kerosakan harta	 Jumlah bayaran yang dilindungi akibat kehilangan/kerosakan harta	RM500,000 bagi setiap harta

*Tuntutan pihak ketiga yang layak, dividen tunai, pendapatan anuiti/persaraan, pendapatan hilang upaya dan pemulangan sumbangan/premium prabayar juga dilindungi oleh PIDM.

Tuntutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan had tertentu mengikut kontrak takaful atau polisi anda.

Manfaat di bawah sijil atau polisi individu dan kumpulan anda dilindungi secara berasingan.



APAKAH YANG TIDAK DILINDUNGI?

 Sijil atau polisi yang dikeluarkan dalam mata wang asing	 Sijil atau polisi yang dikeluarkan di luar Malaysia	 Bahagian pelaburan bagi produk berkaitan pelaburan
--	---	--

Sila hubungi PIDM untuk senarai penuh manfaat yang dilindungi serta had perlindungannya.



APAKAH YANG BOLEH SAYA LAKUKAN?

- ✓ Pastikan sama ada pengendali takaful atau syarikat insurans anda ialah ahli PIDM - senarai ini boleh didapati di laman web PIDM
- ✓ Perhatikan tanda keahlian PIDM



- ✓ Semak sama ada manfaat takaful dan insurans anda dilindungi oleh PIDM



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Bahagian Komunikasi & Hal Ehwal Awam

Aras 9, Bangunan AICB, 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2173 7436 / 2265 6565 Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432